



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

GP23 : Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020

BAHAGIAN AUDIT KOPERASI

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

KANDUNGAN

BAHAGIAN A – PENGENALAN

BAHAGIAN B – TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA

BAHAGIAN C – PIAWAIAN PELAPORAN PERAKAUNAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI

BAHAGIAN D – PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

BAHAGIAN E – KEPERLUAN PENDEDAHAN BUTIRAN DAN MAKLUMAT KHUSUS

BAHAGIAN F – KEPERLUAN KHUSUS DAN PENGECCUALIAN

AM

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

***HIGHLIGHTS* : GP23 (2012) VS GP23 (PINDAAN) 2020**

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 bertujuan untuk menetapkan bentuk dan kandungan penyata kewangan, piawaian perakaunan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan supaya selaras dengan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

BAHAGIAN A : PENGENALAN

LATAR BELAKANG

Di Malaysia, penetapan piawaian perakaunan bagi pelaporan penyata kewangan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997. MASB telah mengeluarkan dua bentuk piawaian tersebut iaitu:-

(a) *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)*

Piawaian pelaporan perakaunan bagi institusi yang perlu melaporkan kepada atau dikawal selia di bawah :-

- (i) Suruhanjaya Sekuriti;
- (ii) Bank Negara Malaysia; dan
- (iii) Syarikat yang tersenarai di Bursa Saham berserta dengan subsidiarinya, syarikat sekutunya dan syarikat usahasamanya

(b) *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*

Piawaian pelaporan perakaunan yang digunapakai khusus bagi entiti persendirian. Maksud entiti ini yang ditakrif di bawah Akta Syarikat 2016 ialah :-

- i) entiti yang tidak perlu melapor kepada badan-badan seliaan seperti di perkara (a); dan
- ii) entiti itu bukan subsidiari atau syarikat sekutu atau *jointly controlled* (syarikat usahasama) kepada entiti yang tertakluk di bawah seliaan badan-badan seperti di perkara (a)

BAHAGIAN B: TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA

subseksyen 58(3) Akta

- koperasi dikehendaki menyediakan dengan seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya setiap tahun kewangan, akaun perdagangan dan untung rugi dan kunci kira-kira berserta dokumen lain bagi maksud pengauditan.

subseksyen 59(5) Akta


- membentangkan dalam mesyuarat agung tahunannya penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama tentang kedudukan hal-ehwal koperasi itu dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada.

subperaturan 31(1) Peraturan- Peraturan Koperasi 2010

- menghendaki koperasi menyediakan penyata kewangan dalam bentuk yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN C: PIAWAIAN PELAPORAN PERAKAUNAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI

- Koperasi mempunyai pilihan untuk menggunakan piawaian pelaporan perakaunan MFRS atau MPERS kecuali koperasi/co-opbank yang dikehendaki menggunakan MFRS sepenuhnya seperti yang dikehendaki oleh GP11: Garis Panduan Penubuhan Dan Pengendalian Co-opbank (Pindaan 2019);
- Walau bagaimanapun, pemakaian piawaian perakaunan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan; dan
- Penggunaan piawaian perakaunan hendaklah secara tekal dan menyeluruh (*consistent and entirety*) dan koperasi hendaklah mematuhi keperluan pendedahan seperti berikut :-



BAHAGIAN D : PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

**1. Persembahan
Saksama**

**2. Pematuhan
Piawaian Pelaporan
Perakaunan dan
Keperluan
Perundangan**

3. Usaha Berterusan

**4. Kekerapan
Pelaporan**

**5. Ketekalan
Persembahan**

**6. Maklumat
Perbandingan**

7. Materialiti

**8. Prinsip Utama
Pendedahan
Maklumat**

**9. Penyata
Kewangan Koperasi**

BAHAGIAN D : PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

1. Persembahan Saksama

- Kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai koperasi selaras dengan peruntukan **subseksyen 59(5) Akta**.
- kenyataan benar dalam piawaian perakaunan yang digunakan (MFRS atau MPERS).
- Persembahan dalam Bahasa Melayu.

2. Pematuhan Piawaian Pelaporan Perakaunan dan Keperluan Perundangan

- Pematuhan piawaian pelaporan perakaunan, Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan.
- Sebarang **ketidakpatuhan** hendaklah disediakan pendedahan berkenaan jenis, sifat dan justifikasi ketidakpatuhan.

3. Usaha Berterusan

- Perlu **dedahkan dalam nota** kepada akaun jika koperasi tidak dianggap sebagai suatu entiti usaha berterusan.

BAHAGIAN D : PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

4. Kekerapan Pelaporan

- Mengikut subseksyen 59(1) Akta, koperasi hendaklah menyediakan dan membentangkan penyata kewangan yang lengkap sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun kalendar di mesyuarat agung tahunannya.
- Bagi koperasi yang baru daftar, tempoh tahun kewangan pertama adalah tidak lewat daripada **18 bulan** selepas pendaftarannya.
- Penyata kewangan hendaklah disediakan untuk **diaudit sekali setahun** berdasarkan subseksyen 60(1) Akta.

5. Ketekalan Persembahan

- Koperasi hendaklah memastikan pelaporan dan klasifikasi dalam penyata kewangan adalah tekal dari satu tahun ke tahun berikutnya, **kecuali**:
 - Perubahan ketara dalam sifat operasi atau keperluan perubahan pelaporan/ klasifikasi yang lebih bersesuaian; atau
 - Keperluan perubahan mengikut piawaian perakaunan atau perundangan.
- Sebarang perubahan persembahan hendaklah dibuat pendedahan berkenaan sifat, amaun setiap item/ kelas serta alasan klasifikasi semula.

6. Maklumat Perbandingan

- Menyediakan maklumat perbandingan berkaitan tempoh terdahulu bagi semua amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan.
- **Angka perbandingan hanya dibenarkan dinyatakan semula (*restated*) bagi pelarasan tahun-tahun terdahulu yang tidak melibatkan keuntungan terkumpul dan hendaklah dirujuk kepada para 60.12, Bahagian F, Pelarasan Tahun-Tahun Terdahulu.**

BAHAGIAN D : PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

7. Materialiti

- Koperasi hendaklah melaporkan secara berasingan bagi setiap kelas/ item serupa yang material.
- Maklumat adalah material jika **tertinggal (*omission*)** atau **disalahnyata (*misstatement*)**, ia boleh mempengaruhi keputusan hal ekonomi oleh pengguna maklumat itu berdasarkan penyata kewangan koperasi.

8. Prinsip Utama Pendedahan Maklumat

- Maklumat hendaklah tepat dan terkini.
- Skop dan kandungan maklumat yang didedahkan hendaklah mencukupi.
- Kecukupan pendedahan hendaklah disediakan bagi perkara yang tidak pasti, terutama maklumat berkaitan anggaran utama, andaian dan kebarangkalian yang digunakan.
- Pendedahan hendaklah membolehkan perbandingan:
 - masa
 - koperasi/ industri.

BAHAGIAN D : PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

9. Penyata Kewangan Koperasi

- Persembahan penyata kewangan hendaklah mengikut format dan terminologi seperti ketetapan garis panduan ini. Format pelaporan penyata kewangan yang seragam seperti digariskan oleh Suruhanjaya adalah terdiri daripada :

Kunci Kira-Kira - Lampiran 1



Akaun Pembahagian Keuntungan - Lampiran 2



Akaun Untung Rugi & Akaun Perdagangan - Lampiran 3



Penyata Aliran Tunai - Lampiran 4



Nota-Nota Kepada Akaun - Lampiran 5

Akaun Kumpulan

- Bagi koperasi yang mempunyai subsidiari, **akaun subsidiari hendaklah disatukan dalam akaun kumpulan** bagi akaun untung rugi dan kunci kira-kira sepertimana kehendak subseksyen 59(5) Akta supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang prestasi dan kedudukan kewangan secara kumpulan.
- Penyediaan penyata kewangan yang disatukan adalah juga tertakluk kepada kehendak piawaian pelaporan perakaunan yang digunapakai.
- Anggota lembaga koperasi hendaklah memastikan **tahun kewangan koperasi dan subsidiari adalah sama dalam tempoh dua tahun** selepas pembentukan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta.

Penghantaran Penyata Kewangan Teraudit

- Koperasi hendaklah memastikan penyata kewangan teraudit koperasi dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya:-
 - dikemukakan kepada Suruhanjaya sepertimana kehendak subseksyen 59(2) Akta; dan
 - adalah sama seperti yang dikemukakan kepada anggota-anggotanya untuk pembentangan di Mesyuarat Agung Tahunan.
- Koperasi hendaklah memastikan juruaudit yang dilantik menghantar salinan **Laporan Pengurusan** kepada Suruhanjaya mengikut subperaturan 29(7) Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.



BAHAGIAN E: KEPERLUAN PENDEDAHAN BUTIRAN DAN MAKLUMAT KHUSUS

Koperasi dikehendaki menyediakan pendedahan butiran dan maklumat khusus selaras peruntukan Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan di dalam nota kepada akaun. Antara penambahan adalah seperti berikut:-



**KUNCI
KIRA-KIRA**

- Pelaburan Hartanah
- Akaun Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP)
- Akaun Deposit Koperasi (ADK)
- Aset Biologi



**NOTA-NOTA
KEPADA
AKAUN**

- Aset Kontingen
- Liabiliti Kontingen
- Komitmen Atau Kejadian Selepas Tarikh Kunci Kira-Kira
- Pekerja/ Kakitangan Koperasi



BAHAGIAN F : KEPERLUAN KHUSUS DAN PENGECUALIAN

BARU

Keperluan khusus dan pengecualian sebagaimana peruntukan-peruntukan di dalam Akta, Peraturan, Perintah, Arahan, Pekeliling dan Garis Panduan yang perlu dipatuhi koperasi dalam menyediakan dan membentangkan penyata kewangan seperti berikut:-

- ✓ Para 60.1 - Keuntungan Modal (perenggan 55(1)(a) Akta);
- ✓ Para 60.2 - Keuntungan Modal Penilaian Semula (perenggan 55(1)(b) Akta);
- ✓ Para 60.3 - Keuntungan Modal Penilaian Semula Bukan Tujuan Penerbitan Syer Bonus;
- ✓ Para 60.4 - Geran/ Bantuan;
- ✓ Para 60.5 - Pelaburan Hartanah;
- ✓ Para 60.6 - Instrumen Kewangan;
- ✓ Para 60.7 - Pinjaman/ Pembiayaan Anggota;
- ✓ Para 60.8 - Pelaburan Dalam Syer Siarharga Dan Syer Tak Siarharga;
- ✓ Para 60.9 - Modal Syer Ditebus Dan Modal Syer Bonus Ditebus;
- ✓ Para 60.10 - Potongan Kerana Langganan, Cadangan Dividen Atas Syer Dan Yuran Dan Cadangan Honorarium;
- ✓ Para 60.11 - Penyata Pendapatan Komprehensif; dan
- ✓ Para 60.12 - Pelarasan Tahun-Tahun Terdahulu.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya **untuk penyata kewangan meliputi tempoh bermula pada atau 1 Januari 2022**. Pemakaian awal garis panduan ini adalah digalakkan.

GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi yang dikeluarkan pada 18 Oktober 2012 akan dan masih terpakai sehingga tahun kewangan berakhir 30 November 2022.

HIGHLIGHTS

GP 23 (2012)

VS

GP 23 (Pindaan) 2020

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

Perkara	GP23 (2012)	GP23 (Pindaan) 2020
1. Tahun Terbitan	18 Oktober 2012	15 Disember 2020
2. Rujukan	MFRS dan PERS	MFRS dan MPERS
3. Format	- Bahagian A: Pengenalan - Bahagian B: Tanggungjawab ALK Peruntukan Perundangan - Bahagian C: Pelaporan Penyata Kewangan Yang Seragam - Tiada paksaan untuk koperasi melapor penyata kewangan mengikut MFRS dan PERS (kecuali koperasi yang dikehendaki menggunakan MFRS)	- Bahagian A: Pengenalan - Bahagian B: Tanggungjawab ALK Peruntukan Perundangan - Bahagian C: Piawaian Pelaporan Perakaunan Penyata Kewangan Koperasi - MFRS / MPERS - Bahagian D: Pelaporan Penyata Kewangan Yang Seragam - Bahagian E: Keperluan Pendedahan Butiran dan Maklumat Khusus - Bahagian F: Keperluan Khusus dan Pengecualian

HIGHLIGHTS

BARU

BARU

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
1.	Aset Biologi	Tidak dinyatakan.	Aset biologi merujuk kepada tanaman atau ternakan yang mempunyai jangka hayat melebihi setahun dan memberi manfaat ekonomi secara berterusan.
2.	Pelaburan Hartanah	Tidak dinyatakan bagi (<i>deemed disposal</i>)	Tanah milik koperasi yang dibangunkan oleh pemaju tetapi masih belum dipindah hakmilik perlu dianggap telah dilupuskan (<i>deemed disposal</i>) kerana koperasi tidak lagi mempunyai kawalan ke atas tanah atau risiko dan ganjaran telah berpindah kepada pemaju. Hasil dari pelupusan yang belum diterima hendaklah diakaunkan sepenuhnya sebagai penghutang mengikut perjanjian dan keuntungan hendaklah diakaunkan sebagai pendapatan tertangguh/ tertunda di Kunci Kira-Kira. Pengiktirafan pendapatan di Akaun Untung Rugi adalah mengikut terma pembayaran.

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
3.	Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	Peruntukan rosot nilai hendaklah dibuat sepenuhnya dan dicajkan ke Akaun Untung Rugi bagi pelaburan syer siar harga yang mengalami kejatuhan dalam harga pasaran seperti berikut: ➤ melebihi 30% kejatuhan secara keseluruhan dalam harga pasaran; ➤ jumlah kejatuhan nilai pasaran berbanding dengan kos melebihi 5% daripada untung bersih. Sebarang kenaikan dalam nilai pelaburan syer dikreditkan ke Akaun Untung Rugi setakat peruntukan yang telah dibuat, manakala lebihan hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula.	Kenaikan dan penurunan dalam nilai pelaburan syer siar harga hendaklah dicaj ke Akaun Rizab Nilai Saksama : Pelaburan Syer.

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
4.	Pinjaman/ Pembiayaan Anggota	Peruntukan hutang ragu selaras Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 15, Tahun 2005 : ➤ 9 hingga 12 bulan = 50% ➤ melebihi 12 bulan = 100%.	Peruntukan hutang ragu : ➤ 6 bulan = 100% Faedah/ keuntungan atas pinjaman/ pembiayaan hendaklah diakaunkan secara tertunda dan tidak boleh diiktiraf sepenuhnya dalam tahun semasa.
5.	Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP). • GP 19: Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Likuiditi Pusat.	Tidak dinyatakan.	Caruman KWLP bagi koperasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya hendaklah diakrukan mengikut surat arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Sebarang pergerakan dalam akaun hendaklah ditunjukkan dalam Nota Kepada Akaun dan dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa.

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
6.	Akaun Deposit Koperasi (ADK) Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019.	Tidak dinyatakan.	Pindahan semasa KWRS yang perlu didepositkan ke ADK hendaklah diakrukan mengikut Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019 dan dikelaskan sebagai Aset Bukan Semasa. Sebarang pergerakan dalam akaun berkaitan wang lebihan dan caruman KWRS yang didepositkan ke ADK hendaklah ditunjukkan dalam Nota Kepada Akaun.

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
7.	Akaun Rizab Penilaian Semula dan Rizab Nilai Saksama.	Perubahan nilai bagi koperasi yang menggunakan model penilaian semula dan model nilai saksama dikreditkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula bagi butiran berikut : ➤ Akaun Rizab Penilaian Semula : ✓ Aset Tetap ✓ Pelaburan Syer ✓ Pelaburan Hartanah Aset Biologi dan Akaun Rizab Pertukaran Asing tidak dinyatakan.	Perubahan nilai bagi koperasi yang menggunakan model penilaian semula dan model nilai saksama hendaklah diakaunkan secara berasingan seperti berikut : ➤ Akaun Rizab Penilaian Semula : ✓ Aset Tetap ➤ Akaun Rizab Nilai Saksama : ✓ Pelaburan Hartanah ✓ Pelaburan Syer ✓ Aset Biologi ✓ Akaun Rizab Pertukaran Asing.

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
8.	Kumpulan Wang Atau Tabung (Anggota).	Tidak dinyatakan perlakuan perakaunan bagi pewujudan kumpulan wang atau tabung berkaitan kos operasi perniagaan atau aktiviti koperasi.	Pihak koperasi tidak dibenarkan mewujudkan sebarang kumpulan wang atau tabung yang ada kaitan dengan kos operasi perniagaan atau aktiviti koperasi. Bagi kumpulan wang yang diwujudkan untuk tujuan perlindungan pinjaman/ pembiayaan anggota, pindahan ke akaun untung rugi sebagai pendapatan komisen/ fi pengurusan hendaklah pada kadar yang munasabah mengikut kadar di pasaran (kebiasaannya 10% hingga 30%).
9.	Potongan kerana langganan, cadangan dividen atas syer dan yuran dan cadangan honorarium.	Tidak dinyatakan perlakuan perakaunan bagi akaun ini.	Peruntukan bagi akaun tersebut hendaklah diakaunkan sebagai Liabiliti Semasa.

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
10.	Penyata Pendapatan Komprehensif	Tidak dinyatakan.	Pelaporan bagi Pendapatan Komprehensif Lain di Penyata Pendapatan Komprehensif adalah dikecualikan.
11.	Pelarasan Tahun-Tahun Terdahulu	Tidak dinyatakan berkaitan angka perbandingan yang dinyatakan semula.	Angka perbandingan tidak boleh dinyatakan semula bagi perkara berikut: ➤ menggunakan MFRS atau MPERS pertama kali; dan ➤ pembetulan kesilapan dan ketinggalan dalam tahun-tahun terdahulu yang melibatkan keuntungan terkumpul. Pelarasan hendaklah dibuat dalam pelarasan operasi atau bukan operasi dalam Akaun Pembahagian Keuntungan seperti di para 30 dan 31.

GP 23 (2012) VS GP 23 (Pindaan) 2020

HIGHLIGHTS

BIL.	PERKARA	PERBEZAAN UTAMA	
		GP 23 (2012)	GP 23 (Pindaan) 2020
12.	Akaun Kumpulan	Tidak dinyatakan tempoh bagi ALK untuk menyamakan tahun kewangan subsidiari dan koperasi.	ALK perlu mengambil tindakan untuk memastikan bahawa dalam masa dua tahun selepas mana-mana pembentukan subsidiari di bawah seksyen 19 Akta, tahun kewangan subsidiari itu sama dengan tahun kewangan koperasi.

KOPERASI XYZ
KUNCI KIRA-KIRA PADA

	RUJUKAN	NOTA	20XX RM	20XX RM
ASET BUKAN SEMASA				
Harta Tanah, Loji Dan Peralatan				
Tanah			x	x
Bangunan			x	x
Kenderaan			x	x
Komputer			x	x
Aset-Aset Lain			x	x
			xx	xx
Aset Geran/Bantuan	a		x	x
Aset Biologi	b		x	x
Pembangunan Hartanah	c		x	x
Pelaburan Hartanah	d		x	x
Aset Tak Ketara			x	x
Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	e		x	x
Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	e		x	x
<i>Kepentingan Dalam Subsidiari</i>	f		x	x
Pelaburan Dalam Subsidiari			x	x
Hutang Subsidiari			x	x
<i>Kepentingan Dalam Syarikat Bersekutu</i>	f		x	x
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu			x	x
Hutang Syarikat Bersekutu			x	x
Pelaburan Dalam Usaha Sama	g		x	x
Pelaburan-Pelaburan Lain	h		x	x
Pinjaman/Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	i		x	x
Akaun Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	j		x	x
Akaun Deposit Koperasi	k		x	x
Cukai Tertunda			x	x
Aset lain Bukan Semasa	l		x	x
			xx	xx

ASET SEMASA

Inventori	m	x	x
Penghutang Perdagangan	n	x	x
Pelaburan Jangka Pendek	o	x	x
Cukai Semasa		x	x
Penghutang Projek/Kontrak Dalam Pelaksanaan	p	x	x
Pinjaman/Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	i	x	x
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	q	x	x
Pelbagai Penghutang	r	x	x
Deposit Tetap	s	x	x
Wang Di Bank	s	x	x
Wang Di Tangan	s	x	x
		xx	xx
JUMLAH ASET		xx	xx

DIBIAYAI OLEH :

Modal Syer Anggota	aa	x	x
Modal Syer Bonus	aa	x	x
Modal Yuran Anggota	aa	x	x
Modal Yuran Ditebus		x	x
Modal Syer Ditebus	bb	x	x
Modal Syer Bonus Ditebus	bb	x	x
<i>Akaun Rizab Modal</i>	cc	x	x
Akaun Rizab Modal: Jualan Aset		x	x
Akaun Rizab Modal: Penilaian Aset		x	x
Akaun Rizab Penilaian Semula-Aset Tetap	dd	x	x
<i>Akaun Rizab Nilai Saksama</i>	dd	x	x
Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah		x	x
Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer		x	x
Rizab Nilai Saksama: Aset Biologi		x	x
Rizab Pertukaran Asing		x	x
Kumpulan Wang Penebusan Syer	ee	x	x
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	ee	x	x
Lain-lain Kumpulan Wang/Tabung Anggota	ff	x	x
Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul		x	x

KUMPULAN WANG ANGGOTA

xx	xx
-----------	-----------



	RUJUKAN	NOTA	20XX RM	20XX RM
Kumpulan Wang Rizab Statutori	gg		x	x
Kumpulan Wang/Tabung Bukan Anggota	hh		x	x
Geran/Bantuan	ii		x	x
LIABILITI BUKAN SEMASA				
<i>Pinjaman Jangka panjang</i>	v		x	x
Pinjaman Dari SKM			x	x
Pinjaman Dari Institusi Kewangan lain			x	x
Manfaat Pekerja			x	x
Pendapatan Tertangguh/Tertunda			x	x
Liabiliti Lain	jj		x	x
			xx	xx
LIABILITI SEMASA				
Cukai Tertunda			x	x
Pemiutang Perdagangan	t		x	x
<i>Simpanan/Deposit</i>	u		x	x
Simpanan Anggota			x	x
Simpanan Bukan Anggota			x	x
Simpanan/Deposit Khas			x	x
<i>Pinjaman Luar Matang 12 Bulan</i>	v		x	x
Pinjaman Dari SKM			x	x
Pinjaman Dari Institusi Kewangan lain			x	x
Manfaat Pekerja			x	x
Fi Audit Suruhanjaya	w		x	x
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	w		x	x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	w		x	x
Dividen	w		x	x
Honorarium	w		x	x
Amaun Terhutang Kepada Syarikat Berkaitan	x		x	x
Pelbagai Pemiutang	y		x	x
Overdraf Bank	z		x	x
			xx	xx
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI			xxx	xxx

KOPERASI XYZ
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR

	NOTA	20XX RM	20XX RM
Untung/(Rugi) Bersih Tahun Semasa		xxx	xxx
Campur/Tolak: Pelarasan Operasi		x	x
Untung/(Rugi) Bersih Selepas Pelarasan Operasi		xxx	xxx
Tolak: Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun		(x)	-
Tambah: Pindahan daripada Akaun Rizab Modal (rujuk lampiran 2b)		x	x
		xxx	xxx
Untung/(Rugi) Bersih Selepas Kerugian Terkumpul		xxx	xxx
Tolak: Pembahagian Berkanun			
Kumpulan Wang Rizab Statutori		x	x
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)		x	x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%)		x	x
		x	x
Untung/(Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun		xxx	xxx
Tolak:			
Peruntukan Cukai		x	x
Peruntukan Zakat		x	x
Tolak: Pembahagian Lain			
Potongan Langganan		x	x
Dividen Atas Syer		x	x
Dividen Atas Yuran		x	x
Honorarium Lembaga		x	x
Kumpulan Wang/Tabung		x	x
Lain-lain		x	x
		xx	xx
Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan		x	x
Pindahan daripada Akaun Rizab Am/Penyamaan Dividen ¹		x	x
Campur/ (Tolak): Pelarasan Bukan Operasi		x	(x)
		x	(x)
Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun		-	x
Keuntungan/(Kerugian) Terkumpul Pada Akhir Tahun		x	(x)

Lampiran 3

NOTA	20XX RM	20XX RM
	X	X
	X	X
	X	X
	X	X
	X	X
	X	X
	X	X
	X	X
	X	X
	<u>XX</u>	<u>XX</u>
	X	X
	X	X
	<u>X</u>	<u>(x)</u>

Perbelanjaan Am:
Fi Audit Suruhanjaya
Fi Juruaudit Swasta
Perbelanjaan Lembaga
Kos Pembiayaan/Pinjaman
Peruntukan Hutang Ragu/Lapuk
Susutnilai Aset
Rosotnilai/Penjejasan nilai
Belanja Mesyuarat Agung
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan
Pelbagai Perbelanjaan (senaraikan dalam nota)
JUMLAH

Keuntungan /(Kerugian) daripada aktiviti biasa
Perbelanjaan Luarbiasa

Keuntungan/(Kerugian) Bersih

Format Penyata Aliran Tunai

Lampiran 4

KOPERASI XYZ PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR

NOTA	20XX RM	20XX RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan bersih sebelum cukai	xx	xx
Pelarasan Untuk:		
Susutnilai aset	x	x
Pulangan pelaburan	x	x
Belanja faedah	x	x
Pelunasan aset tak ketara	x	x
Peruntukan hutang waham	x	x
Rosotnilai pelaburan	x	x
(Keuntungan)/ kerugian jualan aset tetap	x	x
<i>Untung operasi sebelum perubahan modal kerja</i>	<u>x</u>	<u>x</u>
(Tambahan) / Kurangan inventori	x	x
(Tambahan) / Kurangan penghutang	x	x
(Tambahan) / Kurangan pinjaman anggota	x	x
Tambahan / (Kurangan) pemiutang	x	x
<i>Tunai diperoleh daripada operasi</i>	<u>x</u>	<u>x</u>
Faedah dibayar	x	x
Cukai pendapatan	x	x
Zakat	x	x
<i>Tunai bersih sebelum perkara luarbiasa</i>	<u>x</u>	<u>x</u>
Perkara-perkara luarbiasa	x	x
<i>Tunai bersih daripada aktiviti operasi</i>	<u>x</u>	<u>x</u>
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN		
Kumpulan Wang Rizab Statutori (ADK)	x	x
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	x	x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	x	x
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	x	x
Potongan langganan	x	x
Honorarium anggota lembaga	x	x
Lain-lain Kumpulan Wang / Tabung	x	x
<i>Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan</i>	<u>x</u>	<u>x</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

Belian aset tetap/syer pelaburan	x	x
Jualan aset tetap/syer pelaburan	x	x
(Tambahan)/Kurangan pelaburan dalam subsidiari/syarikat bersekutu	x	x
(Tambahan)/Kurangan amaun terutang subsidiari/syarikat bersekutu	x	x
Faedah diterima	x	x
Dividen diterima	x	x
<i>Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan</i>	<u>x</u>	<u>x</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Terimaan modal syer/yuran anggota	x	x
Modal syer/yuran anggota dikeluarkan	x	x
Terimaan pembiayaan/pinjaman luar	x	x
Bayaran pembiayaan/pinjaman luar	x	x
Terimaan simpanan anggota	x	x
Pengeluaran simpanan anggota	x	x
Bayaran faedah simpanan anggota	x	x
Bayaran dividen anggota	x	x
<i>Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan</i>	<u>x</u>	<u>x</u>

Lebih/Kurangan tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	x	x
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>x</u>	<u>x</u>

Contoh Nota-Nota Kepada Akaun

Lampiran 5

1. Kepentingan Dalam Syarikat Bersekutu – Para 59(f)

Kedudukan aset dan liabiliti syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Aset Bukan Semasa	xx	xx
Aset Semasa	xx	xx
Liabiliti Bukan Semasa	(xx)	(xx)
Liabiliti Semasa	(xx)	(xx)
	xxx	xxx

Pendapatan dan keuntungan syarikat bersekutu adalah seperti berikut:-

	2020 RM	2019 RM
Pendapatan	xx	xx
Keuntungan Semasa	xx	xx

2. Akaun Deposit Koperasi – Para 59(k)

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	xx	xx
Tambahan dalam tahun semasa	xxx	xxx
	xx	xx
Pengeluaran pada tahun semasa	(xx)	(xx)
Baki pada 31 Disember	xxx	xxx
ADK daripada KWRS	xx	xx
ADK daripada Wang Lebihan	xx	xx
Baki Akhir Tahun	xxx	xxx

3. Modal Syer Anggota, Syer Bonus dan Modal Yuran Anggota – Para 59(aa)

Maklumat yang perlu dimuatkan dalam Nota kepada Akaun bagi Modal Syer dan Modal Yuran adalah seperti di bawah:-

	Bilangan Anggota	Modal Syer (RM)	Modal Yuran (RM)
Baki pada awal tahun	xx	xx	xx
Tambahan dalam tahun	xx	xx	xx
Dividen dikreditkan	xx	xx	xx
	xxx	xxx	xxx
Kurangan dalam tahun	(xx)	(xx)	(xx)
Baki pada akhir tahun	xxx	xxx	xxx

Manakala bagi Syer Bonus, maklumat yang perlu diperincikan adalah seperti di bawah:-

PERKARA	PUNCA TERBITAN SYER BONUS					JUMLAH
	Penjualan Tanah/ Bangunan	Penilaian Semula Tanah/ Bangunan	Syer Ditebus	Syer Bonus Ditebus	Kumpulan Wang Rizab Statutori	
Baki pada awal tahun	xx	xx	xx	xx	xx	xxx
Tambahan dalam tahun	xx	xx	xx	xx	xx	xx
Dividen dikreditkan	xx	xx	xx	xx	xx	xx
Kurangan dalam tahun	(xx)	(xx)	(xx)	(xx)	(xx)	(xx)
Baki pada akhir tahun	xx	xx	xx	xx	xx	xxx

4. Perincian Perbelanjaan Lembaga – Para 59(nn)

Bil.	Nama Anggota Lembaga	Jawatan	Elaun Tetap RM	Elaun Mesyuarat RM	Perbelanjaan/ Elaun Perjalanan RM	Lain-lain perbelanjaan/ Elaun RM	Jumlah RM
Jumlah							

5. Persembahan Pelaporan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) – Para 59(gg)

	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	xx	xxx
Tambahan dalam tahun semasa*	xx	xx
	xxx	xxx
Pengeluaran pada tahun semasa*	(xx)	(xx)
Baki pada 31 Disember	xxx	xxx
*Koperasi telah diarahkan memindahkan caruman semasa KWRS bermula tahun kewangan YYYY ke dalam Akaun Deposit Koperasi (ADK). Pergerakan akaun KWRS-ADK adalah seperti berikut:		
	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	xx	xx
Tambahan dalam tahun semasa	xx	xx
	xxx	xxx
Pengeluaran pada tahun semasa	(xx)	(xx)
Baki pada 31 Disember	xxx	xxx